

20 SEP 2002

Belanjawan-Kastam

BEBERAPA PROSEDUR KASTAM DIPERMUDAHKAN

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan akan memudah dan menyeragamkan beberapa prosedur kastam bagi memastikan para pelabur mendapat layanan yang terbaik dalam urusan import dan eksport, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Antaranya adalah memastikan bahawa pergerakan barang bercukai antara kawasan bebas cukai atau bagi tujuan eksport, akan dikecualikan dari jaminan bank di samping menggunakan hanya satu borang sahaja untuk mengendalikannya," katanya ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini.

Bagi menjimatkan masa dan kos, katanya Jabatan Kastam tidak akan membuat pemeriksaan lanjut ke atas barangan yang telah diperiksa agensi lain seperti Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pertanian.

Kerajaan juga akan memperkenalkan penggunaan pelekat atau kod khas ke atas setiap kotak rokok yang telah dibayar cukai bagi memastikan rokok yang dijual, tidak diseludup, katanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata penggunaan pelekat itu juga akan diperkenalkan kepada beberapa barangan lain seperti minuman keras dan ubat-ubatan, bukan hanya untuk memastikan cukai telah dibayar, malahan juga bertujuan melindungi pengguna daripada membeli barang tiruan.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata semua anggota perkhidmatan awam akan diorientasi semula dan diserapkan dengan budaya kerja cemerlang yang mengutamakan kecekapan, disiplin, amanah serta komited di samping bersikap mesra peniaga dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan.

"Perkhidmatan awam perlu memastikan `delivery system' yang cekap serta mesra pelanggan bagi menjamin kelancaran dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi pembangunan negara," katanya.

"Dalam perkara ini, perkhidmatan awam perlu terus berusaha mengurangkan karenah birokrasi dan mengkaji semula semua peraturan dan tatacara untuk mempercepatkan urusan pihak awam.

"Langkah ini akan memudahkan peniaga berurusan dengan kerajaan di samping mengurangkan kos pengendalian mereka, sekaligus menjadikan negara lebih kompetitif," katanya.

Dr Mahathir berkata oleh kerana kerajaan amat menitikberatkan kebajikan kakitangan awam dan sentiasa prihatin terhadap rintihan mereka, kerajaan telah bersetuju melaksanakan Sistem Saraan Malaysia (SSM), walaupun ia akan membabitkan perbelanjaan tambahan melebihi RM300 juta.

Perdana Menteri berkata walaupun ia membabitkan jumlah yang tinggi, namun kerajaan percaya bahawa pelaksanaannya akan memberi lebih manfaat kepada anggota perkhidmatan awam dan negara secara keseluruhannya.

SSM akan bersandarkan kepada peningkatan kompetensi dan pengetahuan mendalam seseorang anggota perkhidmatan awam, katanya.

Beliau berkata untuk memastikan semua anggota dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan, kerajaan akan memastikan semua anggota perkhidmatan awam terus sihat dan produktif.

"Bagi tujuan itu, semua anggota sektor awam dalam kumpulan sokongan yang berumur 40 tahun ke atas akan digalakkan untuk mengambil pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa. Kemudahan tersebut sebelum ini hanya dinikmati oleh Kumpulan Pengurusan dan Professional sahaja," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata pusat pentadbiran Putrajaya dibangunkan dengan matlamat menjadi pusat kecemerlangan pentadbiran awam.

-- BERNAMA
AZH AHH MOZ